

Sultan Kelantan patut disalahkan

B.H. - 9 MAR 1993

Oleh Ibrahim Yahaya

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Sultan Kelantan berkempen secara aktif dan terbuka untuk parti bapa saudaranya, Tengku Razaleigh Hamzah, selepas pilihan raya umum 1990, memebabkan rakyat mula mengkritik raja secara terbuka.

Menurut Perdana Menteri, rakyat tidak dapat menerima bukan saja perbuatan membelakangkan larangan berpolitik oleh raja tetapi juga percubaan menaikkan keluarga serdiri ke jawatan tinggi - satu jenis nepotisme yang amat berbau feodal dan antidemokrasi.

Ini katanya, berbeza dengan tahun-tahun sebelum 1990 apabila tiada yang berani mengkritik atau menegur raja secara terbuka kerana adat resam orang Melayu atau takut melanggar Akta Hasutan.

"Tindakan dilakukan oleh Raja Kelantan itu ibarat membuka 'a can of worms' yang menyebabkan bau busuknya terkeluar dan terlekat kepada raja-raja lain.

"Kerana Raja Kelantan, adat resam dan ketakutan rakyat kepada undang-undang telah hilang. Apabila berlaku peristiwa Gomez, rakyat membuat teguran dan kritikan terhadap raja-raja dengan begitu lantang.

"Kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang percaya kepada kedaulatan undang-undang tidak berdiam diri.

"Untuk memberi perlindungan kepada rakyat, maka pindaan dibuat kepada Perlembagaan seperti dalam akta yang dibahaskan oleh dewan ini pada 18 dan 19 Januari lalu," katanya ketika berucap dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Persidangan Khas Dewan Rakyat, hari ini.

Persidangan khas itu diadakan bagi membahaskan semula rang undang-undang itu yang dikembalikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dengan sedikit pengubahsuaian. Rang undang-undang itu mulanya diluluskan oleh Parlimen pada persidangan khas 18 hingga 20 Januari lalu.

Dr Mahathir berkata, Sultan Kelantan sepatutnya sedar han insaf akan kesan pembabitannya dalam politik parti keluarganya itu, tetapi beliau tidak bersikap demikian.

Menurutnya, Sultan Kelantan seterusnya mendakwa persidangan Dewan Rakyat membahaskan pindaan Perlembagaan pada 18 Januari lalu dan sidang khas hari ini tidak sah.

"Saya khuatir Raja Kelantan mungkin sekali lagi membuka satu 'can of worms'. Apabila dakwaan dibuat oleh satu pihak terhadap pihak yang lain, pihak yang lain juga boleh me-

Ismail tidak hormati raja lain

DARI MUKA 1

lempar dakwaan yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika dewan ini didakwa tidak sah oleh Sultan Kelantan, dewan ini juga boleh mendakwa atas sebab-sebab yang berasingan kemungkaman perlantikan dan penabalan beliau sebagai Sultan Kelantan tidak sah.

"Kita tidak ada niat jahat terhadap Raja Kelantan. Tetapi gerak-geri Raja Kelantan dalam isu pindaan Perlembagaan ini amatlah tidak menyenangkan. Bukan saja Kerajaan Pusat tidak dihormati, tetapi raja-raja lain juga tidak dihormati.

"Jika setelah bermesyuarat secara teratur, Majlis Raja-Raja tidak memegang kepada keputusan yang dibuat, siapakah yang akan menghormati mesyuarat Majlis Raja-Raja, atau majlis itu atau raja-raja?"

"Saya tidak ingin meralamkan kesan yang akan menyusuli terhadap kehilangan kepercayaan dan kehormatan kepada Majlis Raja-Raja dan institusi raja kerana perbuatan Raja Kelantan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan raja tidak pernah menentasi undang-undang

tetapi lianya tidak boleh dihadapkan ke mahkamah senerti termaktub dalam Perlembagaan.

"Tidak boleh dihadapkan ke mahkamah tidak bermakna dikecualikan daripada peruntukan undang-undang negara ini.

"Bahkan tidak boleh dihadapkan ke mahkamah juga adalah satu undang-undang, dan mengikut undang-undang inilah maka raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah.

"Jika ini dianggap satu keistimewaan raja-raja, maka keistimewaan ini masih kekal dengan pindaan yang disyorkan oleh Majlis Raja-Raja," katanya.

Menurutnya, Perlembagaan atau undang-undang tubub atau undang-undang asas negara adalah undang-undang yang menentukan adanya raja, Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, Jemaah Menteri dan sebagainya.

"Institusi ini dari awal lagi tidak wujud dengan sendirinya tetapi adalah hasil daripada satu kontrak sosial yang contohnya ialah perjanjian di antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba Trimurti Tribuana," katanya.

LIHAT MUKA 2